

# "Saya tidak kesal, tidak kecewa"

Um - 2/4/2007.

**BERIKUT** adalah beberapa persoalan yang dijawab oleh Keng Yaik menjelang persaraannya sebagai Presiden Gerakan.

## Kenapa mahu bersara sekarang?

Sekarang saya sudah bersedia. Gerakan kini dalam keadaan tenang dan tidak banyak mengalami politik. Mengang tepatlah masanya untuk memberi laluan kepada Dr. Koh.

## Bila bermulanya proses peralihan kepimpinan parti?

Hasrat untuk berundur bermula pada tahun 2000 tetapi saya terpaksa melengahkannya kerana belum menemui timbalan yang sesuai. Pada 2005, seorang calon sesuai ditemui bagi jawatan Presiden. Walaupun ketika itu mempunyai seorang timbalan (Kerk Choo Ting) selama 15 tahun, tetapi anggota-anggota parti tidak gembira mengenainya. Oleh itu pada tahun 2005, kepimpinan parti - jawatankuasa pusat dan pemimpin negeri menyatakan dengan jelas bahawa Dr. Koh perlu mengambil alih tempat Kerk. Dan beliau bertanding jawatan Timbalan Presiden, dan seterusnya membuka laluan untuk saya menyerahkan tugas kepada Dr. Koh. Kini masanya sudah tiba.

## Mengenai jawatan Presiden?

Saya tak menyesal... kalaulah diberi pilihan, saya akan pilih jalan yang sama sekali lagi. Saya sendiri tidak tahu macam mana boleh kekal selama ini sebagai Presiden.

Sepanjang 26 tahun lepas, saya dicabar sebanyak lima kali bagi jawatan Presiden. Berbeza pendapat tentang dasar parti tidak menjadi masalah, asalkan ia demi kebaikan parti. Kini, kami tak ada kem dalam Gerakan... kami bekerja sebagai satu pasukan.

## Kedudukan jawatan dalam kerajaan?

Perkara itu akan diserahkan kepada Pemangku Presiden (Tsu Koon) untuk membuat keputusan bersama Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kalau mereka mahu saya teruskan, saya akan patuh, tapi saya tidak akan pegang jawatan selepas pilihan raya umum akan datang. Saya akan hanya pegang jawatan Menteri hingga akhir penggal Parlimen ini.

## Perancangan selepas bersara?

Tumpuan akan diberi terhadap Universiti Terbuka Wawasan Gerakan dan Inisiatif Dialog Kebangsaan (Nadi). Nadi akan menjadi platform untuk mengadakan dialog antara pelbagai agama dan kepercayaan. Kita perlu lebih banyak berinteraksi antara satu sama lain di pelbagai peringkat... kita perlu perkukuhkan perpaduan nasional yang masih kurang mantap. Tugas ini mesti diteruskan.



DR. KOH TSU KOON

## Kenangan manis dan peristiwa paling memberi kesan di jiwa?

Setiap hari adalah mimpi ngeri (berseoroh) tetapi peristiwa paling berkesan ialah apabila dicabar oleh Datuk Paul Leong yang mendapat sokongan penuh barisan kepimpinan parti pada pemilihan 1980. Bagaimanapun saya memenangi jawatan Presiden. Selepas itu para pemimpin Gerakan berkumpul di Port Dickson bagi meraikan kemenangan saya. Saya tidak dapat melupakan saat itu apabila semua pemimpin datang dan mengetepikan perselisihan. Mereka menghormati saya sebagai Presiden walaupun pada waktu itu saya hanya Exco negeri.

## Pesanan kepada pemimpin dan ahli.

Jadilah anggota yang setia dan demi kebaikan parti. Hormat dan patuh kepada pemimpin. Pemimpin dan anggota Gerakan perlu

## Mukadimah

MINGGU depan, seorang lagi pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) akan berundur daripada jawatannya. Kali ini giliran Dr. Lim Keng Yaik yang memimpin Parti Gerakan selama 26 tahun. Parti komponen BN sebelum ini menyaksikan pengunduran Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO dan Dr. Ling Liong Sik sebagai Presiden MCA. Dr. Mahathir yang memimpin UMNO selama 22 tahun berundur pada Oktober 2003 sementara Liong Sik yang dipilih sebagai Presiden MCA pada tahun 3 September 1986 berundur pada Mei 2003. Keng Yaik yang dipilih sebagai Presiden Gerakan pada Ogos 1980, akan melepaskan jawatan itu pada 8 April ini, iaitu tarikh beliau genap berusia 68 tahun. Dengan pengunduran Keng Yaik, sebuah lagi parti komponen BN akan diambil alih oleh barisan 'muda' atau pelapis.

Bagaimanapun masih ada dua lagi pemimpin yang agak lama memegang jawatan Presiden parti masing-masing iaitu Abdul Taib Mahmud bagi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) dan Presiden MIC, S. Samy Vellu. Abdul Taib, 71, memimpin PBB sejak 1981 manakala Samy Vellu, 71, memimpin MIC sejak 1981 selepas memegang jawatan itu pada 13 September 1979. Bagaimanapun PBB dan MIC sudah mempunyai pelapis untuk mengambil alih.

Sementara itu Keng Yaik dalam pertemuan dengan wartawan di pejabatnya di Putrajaya, Jumaat lalu menyentuh beberapa isu berhubung 'persaraannya'. Beliau bersyukur dengan jawatannya itu.

"Saya tak menyesal, saya tak salahkan sesiapa, saya tak rasa kecewa, sebaliknya bersyukur kerana diberi peluang memainkan peranan dalam parti dan kerajaan, walaupun setiap yang bermula pasti berakhir," kata Menteri Tenaga Air dan Komunikasi itu.

Beliau yang mengambil alih kepimpinan parti itu daripada Dr. Lim Chong Eu akan mengakhiri tugas Presidennya Ahad depan. Jawatannya akan dipangku oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Koh Tsu Koon yang juga Timbalan Presiden parti.

sedar bahawa kedudukan dalam parti tidak penting. Saya sendiri hanya berkhidmat sebagai anggota Exco negeri semasa menjadi Presiden. Semasa menjadi Timbalan Presiden, saya tidak menjadi anggota MT BN. Dan apabila menjadi Presiden, saya tidak merampas jawatan Menteri daripada pemimpin lain. Saya terus memegang jawatan Exco Perak. Sebaliknya, jika seseorang anggota diberi jawatan, laksanakan tugas yang diamanahkan dengan bertanggungjawab dan menjauhi diri daripada perkara negatif seperti rasuah.

Saya harap mereka akan kekal dengan prinsip untuk berkhidmat kepada parti, sepatutnya tidak ada masalah, sesiapa jua boleh masuki parti. Saya harap mereka akan kekal untuk 26 tahun lagi.

## Kebimbangan selepas persaraan.

Parti berhenti mengetengahkan isu-isu yang menyentuh kepentingan awam. Bimbang pemimpin dan anggota parti selesa dengan kedudukan mereka sama ada dalam parti atau kerajaan dan berhenti mengetengahkan isu-isu yang menyentuh kepentingan penduduk ramai. Apa yang paling menakutkan ialah parti tidak membawa ke tengah isu-isu yang perlu diketengahkan, tidak kira sama ada di peringkat perbincangan tertutup atau sebaliknya. Itulah kebimbangan besar saya.

Saya telah memberitahu mereka (pemimpin Gerakan) supaya mempergunakan saya sebagai anggota senior untuk memberi nasihat kepada anggota parti.

## Masa depan Gerakan di Pulau Pinang?

Saya tidak sedikitpun berasa bimbang mengenai perkara itu memandangkan Pulau Pinang adalah kubu kuat BN dan semua parti komponen BN telah memberikan sokongan kepada parti, tanpa mengira sama ada mereka mempunyai wakil atau tidak di sesuatu kawasan pilihan raya itu.

Samalah juga halnya dengan sumbangan Gerakan Kelantan. Walaupun parti itu tidak mempunyai wakil bagi kerusi negeri atau Parlimen, Gerakan secara senyap-senyap telah memberikan sumbangan di sana terutama-

## MALAYSIA KITA



IMBAS kembali... karikatur mengenai Keng Yaik dan Abdul Taib Mahmud yang 'mengintai' siapa yang layak menggantikan mereka.

ma di kawasan luar bandar.

Saya yakin Gerakan dapat mengekalkan pangkalan politik di Pulau Pinang selagi anggota parti berusaha keras dan mempromosikan keupayaan kepimpinan. Saya tidak fikir akan berlaku banyak perubahan.

## Harapan kepada Gerakan.

Kita perlu memperkuat tema *Bangsa Malaysia*. Selepas 50 tahun, kita masih belum dapat menanam semangat kekitaan terhadap negara dalam kalangan rakyat. Sebagai parti pelbagai kaum, Gerakan, telah melaraskan dasar dan perjuangannya dan kini menggunakan pendekatan politik tidak berbentuk perkauman bagi mengatasi masalah berkaitan kepelbagaian kaum.

Kami telah jadikan ini suatu amalan dan saya harap pemimpin parti ini pada masa akan datang melakukan perkara yang sama.

## Peranan sebagai bekas Presiden.

Kalau mereka meminta nasihat, saya akan beri, kalau mereka tak minta, saya akan diam dan simpan pendapat saya pada diri sendiri.

## Mengenai penggantinya Tsu Koon.

Dia memiliki kekuatan dalaman yang perlu



## PENYERTAAN PARTI POLITIK

- 1968 - Menyertai MCA
- Mac 1971-1972 - Pengerusi, Badan Perhubungan MCA Negeri Perak
- 1973 - Dipecat daripada MCA kerana tidak sehaluan dengan Presiden MCA (Tun Tan Siew Sin)
- 1973 - Menyertai Gerakan/dilantik sebagai Pengerusi, Gerakan Bahagian Ulu Kinta
- 1974 - Pengerusi, Badan Perhubungan Gerakan Negeri Perak
- Jun 1974 - Menang tanpa bertanding sebagai Timbalan Presiden, Gerakan
- 1 Ogos 1977 - Pengerusi, Barisan Nasional Bahagian Kinta
- 10 Sept. 1978 - Pengerusi, Gerakan Negeri Perak
- 17 Ogos 1980 - Dipilih sebagai Presiden, Gerakan, menewaskan Datuk Paul Leong Khee Seong dengan majoriti 57 undi
- 7 Nov. 1981 - Pengerusi, Badan Perhubungan Gerakan Negeri Johor
- 29 Sept. 1984 - Dipilih semula sebagai Presiden, menewaskan Datuk Michael Chen dengan majoriti 56 undi
- 6 Jun 1987 - Dipilih semula sebagai Presiden, menewaskan Dr. Goh Cheng Teik dengan majoriti 247 undi
- Jun 1990 - Kekal tanpa bertanding sebagai Presiden
- Mei 1993 - Kekal tanpa bertanding sebagai Presiden
- 5 Okt. 1996 - Dipilih semula sebagai Presiden, menewaskan Cheang Chin Chai dengan majoriti 857 undi
- 17 Julai 1999 - Kekal sebagai Presiden
- 28 Sept. 2002 - Kekal tanpa bertanding sebagai Presiden
- 27 Ogos 2005 - Dipilih semula sebagai Presiden, (penggal 2005/2008) menewaskan Kerk Choo Ting dengan majoriti 355.